

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93**

**April 1993**

**CSD 402 - Sistem Maklumat Lanjutan**

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab **SEMUA** soalan.
-

1. (a) Pada satu mesyuarat ketua-ketua bahagian, ketua Jabatan menyatakan kurang puas hatinya dengan setiap mesyuarat kakitangan pertengahan yang beliau pengurusikan. Pada setiap mesyuarat hanya orang yang sama sahaja memberi pendapat dan pada kebiasaannya mereka ini adalah kakitangan lama atau yang lebih tua. Kakitangan yang baru atau yang lebih muda agak mendiam diri walaupun pada riak muka mereka mempunyai sesuatu yang hendak dikatakan.

Sebagai seorang pengurus Sistem Maklumat, anda telah diminta memberi pendapat. (Perlu diingat bahawa kebanyakan ahli-ahli mesyuarat tidak mempunyai pengetahuan komputer yang mendalam).

- (i) Nyatakan kemungkinan sebab-sebab perkara ini boleh terjadi.
- (ii) Apakah penyelesaian yang berorientasi komputer dapat membantu menyelesaikan masalah ini. Nyatakan juga hasil yang dijangka.

[50/100]

- (b) Pada awal perkembangan industri di Malaysia, kerajaan menggalakkan industri yang berasaskan pekerja ('labor base industry) untuk menyelesaikan masalah pengangguran. Dengan perkembangan yang pesat dalam bidang industri kilang ini, masalah baru yang dihadapi ialah kekurangan pekerja. Anda sebagai seorang pakar didalam sistem maklumat, telah dijemput untuk memberikan ceramah kepada pegawai atasan kilang-kilang di seluruh Pulau Pinang dalam menghadapi masalah di atas.

- (i) Terangkan sebaik mungkin sistem otomasi kilang kepada mereka dengan klas-klas operasi serta sistem-sistem yang berkenaan dan bagaimana sistem-sistem ini berinteraksi.
- (ii) Cadangkan kepada mereka bagaimana otomasi ini dapat diimplimentasi secara berperingkat untuk mengurangkan kos awal serta menjamin keberkesanan.

[50/100]

2. (a) Apakah tiga perkara utama mengenai maklumat yang membezakan peringkat pengurusan.

[25/100]

- (b) Nyatakan bentuk maklumat berpandukan kepada tiga perkara di atas untuk setiap peringkat pengurusan yang telah kita bincangkan.

[25/100]

- (c) Terangkan Sistem Maklumat yang sesuai untuk setiap peringkat pengurusan.

[25/100]

- (d) Terangkan tiga(3) daripada Sistem Maklumat yang meliputi ketiga-tiga peringkat pengurusan.

[25/100]

3. (a) Bagaimanakah seorang pengurus Sistem Maklumat dapat memastikan beliau tidak ketinggalan didalam teknologi baru ?  
[20/100]
- (b) Apakah tujuh(7) kunci utama yang digariskan oleh Mark Klein untuk memastikan perancangan itu berjaya ?  
[30/100]
- (c) Apakah dua cara utama perolehan perisian dan apakah kebaikan dan keburukan setiap cara ini?  
[20/100]
- (d) Senaraikan dan terangkan perubahan dalam sifat(nature) perisian masa kini.  
[30/100]
4. Anda dilantik menjadi perunding kepada sebuah syarikat yang mempunyai beberapa cawangan di seluruh Malaysia. Anda diminta untuk membantu mereka dalam perancangan rangkaian komputer setempat dan juga rangkaian antara cawangan. Untuk pemulaan anda diminta menguruskan majlis dialog dengan kakitangan teknikal dan pengurusan.
- (a) Seorang daripada kakitangan dalam pembangunan sistem berpendapat mereka tidak perlu mempunyai pengetahuan dalam komunikasi data. Pengetahuan ini hanya perlu di ketahui oleh jurutera-jurutera sahaja. Nyatakan sama ada anda bersetuju atau pun tidak serta alasan dan contoh yang berkenaan.  
[25/100]
- (b) Seorang daripada kakitangan teknikal dalam satu jabatan menyatakan mereka telah pun mempunyai rangkaian setempat dengan topologi yang sesuai. Beliau merasa takut diminta menukar kan topologi yang sedia ada jika topologi yang akan digunakan kemudian tidak sama.
- (i) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan topologi rangkaian kepada peserta-peserta lain dan pilihan-pilihan yang ada.
- (ii) Terangkan bagaimana masalah yang ditatas dapat diselesaikan.  
[25/100]
- (c) Isu ketiga yang dibangkitkan ialah kegunaan rangkaian. Senaraikan dan terangkan tiga(3) perkembangan perisian hasil dari perkembangan rangkaian yang berguna untuk syarikat tersebut..  
[25/100]
- (d) Seorang daripada peserta pula bertanya apakah yang dimaksudkan dengan piawaian X-Open/X-windows dan protokol OSI. Terangkan secara ringkas kedua-duanya serta matlamat setiap piawaian ini.  
[25/100]